





ChatGPT

DIMENSI BAHARU DALAM PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN

Oleh: Muhammad Nabihan Abu Bakar & Masliya Yahya

ChatGPT ialah teknologi yang merangkumi penggunaan kecerdasan buatan manusia yang boleh memberi impak yang besar dalam hidup seseorang individu serta mampu membantu pengguna dalam pelbagai cara dari aspek pembelajaran dan pengajaran. ChatGPT ataupun nama penuhnya Chat Generative Pre-Trained Transformer yang telah dilancarkan pada 30 November 2022 oleh syarikat penyelidikan dan pembangunan kecerdasan buatan Artificial Intelligence (AI) yang mana merupakan satu platform perbualan secara rasmi kepada orang ramai.

Aplikasi ini dibangunkan untuk melakukan tugas yang sama seperti pemikiran manusia. Risiko penipuan yang berlaku dalam kalangan pelajar juga boleh meningkat jika kemudahan teknologi ini tidak digunakan sebaiknya. Sama ada ChatGPT ini bakal menjadi pengganti Google atau pendidik satu hari nanti dan tidak dinafikan teknologi ini bakal menjadi kegunaan utama pada masa hadapan. Penggunaan ChatGPT dalam aspek pembelajaran dan pengajaran perlu diperhalusi lagi sebelum kaedah teknologi AI menggantikan kaedah pendidikan tradisional pada masa hadapan. Ini penting kerana maklumat yang disampaikan oleh ChatGPT tidak diperakui kesahihannya.

Aplikasi ini sebenarnya mampu memberikan dimensi yang baharu dalam dunia pendidikan serta kurikulum di sekolah mahupun di peringkat institusi pengajian tinggi awam dan swasta khususnya. Teknologi aplikasi ini berbeza dengan sistem pembelajaran dalam talian yang diguna pakai sebelum ini kerana kemampuannya bagi memudahkan pencarian maklumat melangkaui sistem enjin carian seperti Google dan sebagainya.

ChatGPT disenangi kerana kemampuannya memberikan maklumat yang disimpan di dalam data secara cepat.

Sebagai pendidik, pengajaran menggunakan aplikasi AI dalam kelas wajar diperkasakan melalui penyediaan panduan penggunaan ChatGPT dengan lebih holistik. Ini kerana seorang pengguna ChatGPT itu boleh menggunakan aplikasi ini untuk melakukan tugas-tugas penyelidikan bagi mencari maklumat, menjana idea serta menghasilkan penulisan yang lebih berkualiti untuk pembelajaran.

Populariti aplikasi ChatGPT telah mendapat perhatian daripada pelosok dunia. Walaupun terdapat banyak kelebihan serta kekurangan, aplikasi ChatGPT ini seharusnya dimanfaatkan dengan sebaiknya. Mengikut pandangan seorang pensyarah dari Harvard University mengatakan bahawa teknologi dan pendidikan perlu bergerak seiring dalam mendepani arus pemodenan. Sebagai contoh kini teknologi robot dan automasi menggantikan berjuta-juta ahli pekerja industri. Pengkomputeran menghapuskan sebahagian besar pekerjaan pengurusan bagi kelas pertengahan. Oleh itu, jika kita gagal menanamkan dalam diri kita kemahiran serta kepakaran yang diperlukan, kita bakal ketinggalan pada masa akan datang terutamanya para pelajar yang perlu mendapatkan akses kepada pendidikan secara digital.

Secara kesimpulannya, penggunaan ChatGPT mampu menjadi kawan yang berharga dalam dunia pendidikan. Malahan menjadi pengguna yang bijak dalam menggunakan teknologi bukan sahaja membolehkan seseorang individu itu melahirkan hasil penulisan akademik yang baik tetapi mampu melonjakkan diri mencapai kejayaan dalam aspek kehidupan pada masa akan datang.